

# PENGAJIAN HADITH OLEH DR ROZAIMI RAMLE MELALUI HANTARAN DI FACEBOOK

**Muhamad Zafran bin Jaafar<sup>1</sup>**  
**Muhamad Iqbal bin Ashari<sup>2</sup>**  
**Mohammad Syazri bin Jaim<sup>3</sup>**  
**Syed Najihuddin bin Syed Hassan<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: zafran@raudah.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: mohammadsyazri@raudah.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: mat\_ibal@raudah.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: syednajihuddin@raudah.edu.my)

---

**Abstract:** *Seiring dengan reformasi pesat produk teknologi dan sistem automasi yang jauh lebih pintar dan moden, pengajian hadith di Malaysia kini mudah diakses melalui mata tabloid tanpa batasan. Kewujudan mata tabloid seperti Facebook menjadi wasilah kepada para akademik dalam bidang hadith seperti Dr. Rozaimi Ramlee pada hari ini untuk berkomunikasi dengan golongan sasaran mereka dengan lebih rapat dan mesra mengenai hadith. Kombinasi antara elemen pengajian hadith dan teknologi mewujudkan satu fenomena yang mampu mencetuskan natijah untuk pembangunan jiwa ummah melalui posting-an-posting-an yang menarik seperti memuat naik penulisan, perkongsian visual, video serta audio. Metod yang digunakan dalam penulisan kertas kerja ini ialah metod penelitian deskriptif kuantitatif dengan menggunakan Teknik Analisis Isi (Content Analysis). Analisis isi dalam penelitian ini untuk meneliti hantaran pengajian hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle melalui akaun Facebook beliau. Dalam konteks ini, penulisan kertas kerja ini adalah bertujuan untuk mengkaji kualiti hantaran pengajian hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle di Facebook beliau. Penulis cuba meneliti dan menganalisis keberkesanan isi pengajian hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramlee melalui hantaran dan perkongsian di akaun Facebook beliau disamping kebaikannya kepada masyarakat, khususnya umat Islam di Malaysia. Selain itu, penulis juga cuba mengkaji tentang penerimaan masyarakat tentang isi pengajian hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle. Kesimpulannya, kewujudan platform Facebook pada hari ini memudahkan masyarakat dalam mendalami serta mempelajari ilmu hadith dengan lebih mudah. Justeru, menerusi kajian ini diharapkan dapat menarik minat masyarakat untuk terus konsisten dalam mengikuti pengajian hadith dari Dr. Rozaimi Ramlee atau mana mana pengajian hadith lain di media sosial.*

**Kata Kunci:** *Pengajian, Hadith, Dr. Rozaimi Ramle, Facebook, Postingan Pengajian Hadith Dr. Rozaimi Ramle.*

---

## 1.0 Pengenalan

Perkembangan teknologi moden pada pertengahan tahun 1990-an telah mencipta lonjakan kuantum dan revolusi sebenar dalam dunia komunikasi. Internet telah tersebar di seluruh dunia, menghubungkan berbagai bahagian dunia dengan ruang yang luas dan membuka jalan bagi semua masyarakat untuk bertukar pandangan, idea dan keinginan. Menurut (Oktaviani, 2014) penggunaan Internet tidak hanya dapat dijangkau oleh masyarakat yang tinggal di daerah perkotaan sahaja, akan tetapi masyarakat desa pun sudah berjinak-jinak mengakses dan menggunakan Internet dalam kehidupan seharian mereka. Keberadaan internet sebagai media informasi memberi kemudahan bagi setiap lapisan masyarakat dalam menjalankan segala tugas dan pekerjaannya. Selain berinteraksi dengan sesiapa sahaja tanpa mengira lokasi, melalui internet juga seseorang individu mudah memperolehi maklumat serta informasi yang diinginkan dengan sangat cepat dan pantas (Noor Din, 2019). Di Malaysia sebanyak 67 peratus rakyat di Malaysia atau bersamaan hampir 20 juta menggunakan internet.

Salah satu rangkaian sosial yang membolehkan individu meluangkan masa di ruang siber bersama orang tersayang, berkongsi maklumat dan bersenang-senang bersama kawan-kawan adalah *Facebook*. Perisian ini pertama kali dibangunkan oleh Mark Zuckerberg pada tahun 2004 di Universiti Harvard untuk digunakan oleh pelajar universiti tersebut, kini merupakan salah satu rangkaian sosial yang paling terkenal dan digunakan seluruh dunia (Yusof & Harun, 2015).

*Facebook* juga mendapat tempat di hati rakyat Malaysia. Satu tinjauan mengenai laman jaringan sosial yang paling popular di Malaysia oleh Persatuan Digital Malaysia (MDA) mendapati bahawa jumlah pengguna berdaftar bagi laman jaringan sosial *Facebook* adalah 8 juta orang. Ini menjadikan *Facebook* sebagai laman sosial yang terbanyak merekodkan jumlah pengguna berdaftar di Malaysia (Online, 21 November 2010). Jumlah ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa *Facebook* merupakan *mata tabloid* yang paling popular dan yang paling digemari oleh hampir seluruh lapisan masyarakat khususnya masyarakat di Malaysia.

Jika ditelusuri, penggunaan Facebook dalam kalangan masyarakat di Malaysia tidak tertumpu kearah komunikasi sahaja, namun, ianya dijadikan sebagai wasilah utama dalam perkongsian pendapat, idea serta penyampaian maklumat. Kewujudan Facebook ini menjadi wasilah kepada para akademik khususnya dalam bidang keagamaan dalam menyalurkan maklumat penting kepada masyarakat konvensional dalam mendidik masyarakat agar lebih berilmu dan intelektual. Tamsilnya, terdapat banyak hantaran berbentuk penulisan, visual, audio serta video serta siaran langsung pengajian-pengajian berbentuk keagamaan yang mudah diakses oleh masyarakat konvensional dalam mendalami ilmu-ilmu berkaitan agama tanpa batasan. Pengajian Hadith juga tidak terlepas daripada fenomena ini. Menurut (Mohamed & Muhamed Ali, 2016), pengajian hadith bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia, malahan ia telah berkembang baik dan masyarakat telah pun didedahkan dengan pengajian hadith. Terdapat banyak hantaran pengajian Hadith yang dapat diakses dengan mudah oleh masyarakat konvensional dalam memahami serta mendalami ilmu-ilmu berkaitan Hadith. Antara ahli akademik yang paling aktif dalam membuat hantaran pengajian Hadith di Facebook ialah Dr. Rozaimi Ramle. Oleh kerana itu, penulisan ini ingin meneliti hantaran pengajian hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle melalui akaun Facebook beliau adakah ianya maklumat yang disampaikan bercanggah dengan fakta mahupun ianya adalah tepat dengan apa yang telah diwariskan oleh para ulama' *muhaddithin* sejak dahulu lagi.

Oleh itu, Secara khususnya, terdapat tiga objektif kajian yang ditekankan oleh penulis dalam penulisan ini iaitu mengkaji kaedah penyampaian pengajian Hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle melalui hantaran di *Facebook*. Selain itu, penulis ingin mengkaji kualiti pengajian Hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle melalui hantaran di *Facebook*. Seterusnya, penulis ingin mengkaji penerimaan masyarakat mengenai hantaran pengajian hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle di *Facebook*.

Meskipun begitu, kajian ini membataskan kepada hantaran pengajian Hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle melalui akaun rasmi *Facebook* beliau yang telah dinamakan sebagai “Dr. Ustaz Rozaimi Ramle-Hadith” tanpa mengira hantaran pengajian Hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle di akun rasmi *YouTube* beliau mahupun akaun palsu yang cuba meniru seakan-akan Dr. Rozaimi. Selain itu, pemerhatian dan penelitian akan hantaran pengajian Hadith juga dibataskan dalam Januari sehingga Oktober tahun 2022 sahaja kerana hantaran pengajian Hadith yang telah dimuat naik oleh beliau terlalu banyak untuk diakses dan jika ditelusuri oleh penulis berkemungkinan ianya akan mengambil masa untuk menyiapkan kertas kerja penulisan ini.

## **2.0 Kajian Literatur**

Sepanjang kajian literatur ini dijalankan, terdapat beberapa buah kajian dan artikel yang berkait rapat dengan tajuk perbahasan ini telah ditemui oleh penulis dan penulis membahagikan kepada beberapa isi penting. Antaranya:

### **2.1 Sejarah Pengajian Hadith Di Malaysia**

Menurut kajian (Mohd Zabidi, 2019) Ilmu Hadith tiba dengan sangat lewat dan berkembang di Alam Melayu. Hal ini demikian kerana pada peringkat awal pengajian Islam di Nusantara didominasi oleh pengajian *Akidah*, *Tasawuf* dan *Fiqh*, dan tidak dibangunkan seimbang dengan pengajian agama yang lain, namun demikian, pada ketika itu, Hadith tetap dipelajari dalam ilmu-ilmu tersebut dengan tujuan menjadikan ia sebagai hujah atau dalil bagi sesuatu hukum. Bahkan, pada kurun kesembilan belas dan awal dua puluh didapati bahawa perkembangan ilmu dalam bidang hadith agak perlahan berkembang hampir di seluruh dunia Islam, akan tetapi, fenomena ini tidak bermaksud bahawa Ilmu Hadith tidak dipelajari. Hakikatnya, pembelajaran hadith tetap berlangsung, akan tetapi ianya dijalankan dalam skop dan penekanan yang berbeza-beza.

Bedasarkan kajian yang dilakukan oleh (Deraman, Sulaiman, & Ahmad Shah, Pengajian Hadith di Malaysia: Tokoh, Karya dan Institusi, 2010) tokoh-tokoh ulama dan institusi formal dan tidak formal telah banyak memberi sumbangan dalam perkembangan pengajian hadith khususnya di Malaysia. Di Malaysia, pada peringkat awal, perkembangan pengajian hadith telah bermula secara informal iaitu pengajian ini dilakukan di rumah-rumah guru, surau-surau dan juga masjid. Kemudian pengajian ini terus berkembang dengan pesat sehingga menjadi ia dalam bentuk formal iaitu pengajian Hadith dilakukan melalui pembentukan *halaqah-halaqah* di pondok dan seterusnya di sekolah-sekolah agama dan insituti-institusi pengajian tinggi (Suhaimi Abdul Wafir, 2006).

### **2.2 Kaedah Pengajian dan Penyampaian Hadith Di Masjid-Masjid Di Malaysia**

Menurut Fauzi Deraman et al. (2010), pengajian hadith di masjid-masjid di Malaysia pada

keseluruhannya mempunyai banyak persamaan dan tidak mempunyai jurang perbezaan yang ketara dari segi kaedah, kitab yang digunakan dalam pengajian, pendekatan dan juga cara pengajiannya. Hal ini dapat dibuktikan dalam kajian yang dilakukan oleh (Isa & Amran, 2017), mereka menyoroti bahawa pengajian Hadith di masjid-masjid di Malaysia semuanya sama dan dapat dilihat jelas melalui lima bentuk, iaitu kebiasaan pengajian ini dilakukan dengan membaca kitab-kitab hadith tertentu, pengajian yang dilakukan secara tematik, pengajian tersebut tidak terikat dengan kitab yang tertentu, kaedah pengajian dan penyampaian disampaikan mengikut kondisi sekeliling dan penyampaian lebih ditumpukan kepada memberikan kesedaran dan mengaitkan pengajian dengan isu semasa yang berlaku.

Manakala kajian terhadap pengajaran seperti yang dilakukan oleh (Wazir, Soroni, Nasir, A.Adi, & Hasan Adali, 2016), menjelaskan bahawa tenaga pengajar Ketika menyampaikan pengajian Hadith menggunakan teknik satu hala sahaja dalam pengajiannya, iaitu tenaga pengajar akan membacakan satu hadith dari kitab-kitab kemudian memberi penjelasan dan pencerahan terhadap makna hadith tersebut. Menurut kajian tersebut, jika terdapat pandangan ulama mu'tabar terhadap pemahaman hadith tersebut, maka ia dibacakan terlebih dahulu dan diberi penjelasan dengan lebih lanjut kepada audien. Dari segi pemilihan topik pula, pengajaran hanya mengikut apa yang disusun oleh pengarang kitab dan ada juga yang mengajar mengikut topik semasa dan terdapat juga tenaga pengajar yang membaca hadith menurut topik-topik yang dirasakan sesuai untuk orang awam.

### **2.3 Kitab-Kitab Yang Digunakan Dalam Pengajian Hadith Di Malaysia**

Kajian dan tinjauan yang dilakukan oleh (Deraman & Muhammad Faidz, Pengajian Hadith Di Institusi Formal & Non Formal Di Malaysia, 2014) mendapati kitab-kitab selalu yang kerap digunakan dalam siri pengajian Hadith di Malaysia adalah berdasarkan penggunaan kitab-kitab yang popular dalam bidang Ilmu Hadith seperti *Arba'un Nawawiyah*, *al-Adhkar*, dan *Riyadh al-Salihin* tulisan Imam al-Nawawi, *Bulugh al-Maram* tulisan Ibn Hajar, *Syamil Muhammadiyah* tulisan Imam alTirmizi dan *Mastika Hadith* tulisan Syeikh Abdullah Basmeih dan lain-lain.

### **2.4 Pengajian Hadith Di Institusi Formal**

Pengajian Hadith di Institusi Formal berkembang dengan lewat. Menurut kajian yang telah dilakukan oleh (Mohd Amin, Abdullahi Nur, Mohd Ghazali, Hassa, & Mohd Amin, 2005) mendapati bahawa dalam kurun ke-19 pengajian Hadith berkembang dalam institusi Formal seperti di pondokpondok, sekolah agama terlebih dahulu. Sekolah inilah yang menjadi pusat pengajian Hadith di Institusi Formal sebelum munculnya Pendidikan Islam di Universiti. Hal ini demikian kerana Institusi pondok adalah institusi pendidikan formal terawal di Tanah Melayu. Menurut (Ahmad & Abd. Azid, 2017) dalam sistem pengajian pondok, pengajian hadith adalah salah satudari pada mata pelajaran yang diajar di samping pelajaran *Tafsir*, *Feqah*, *Tauhid*, *Tasawwuf* dan lain-lain

Sistem pengajian Hadith di Sekolah-Sekolah tidak sama seperti di pondok akan tetapi ia mempunyai matlamat dan tujuan yang sama. Meskipun pembelajaran Ilmu Hadith di sekolah-sekolah tidak dijadikan subjek khusus berbeza seperti dengan sistem pengajian Hadith di pondok, namun ianya digabungkan di dalam sukatan subjek-subjek tertentu seperti subjek

Pendidikan Syariah Islamiyyah (PSI) dan Pendidikan al-Quran dan alSunnah (PQS) di peringkat SPM dan subjek Syariah dan Usuluddin di peringkat STPM (Temrin & Muhamed Ali, 2017).

### 3.0 Metodologi Kajian

Metodologi ialah kaedah yang digunakan untuk mengutip dan mengumpul data melalui tatacara efektif bagi menjawab permasalahan kajian (Ang Kean Hua, 2016). Ianya amat penting untuk mengetahui bagaimana data-data mengenai kajian diperolehi, dikumpul dan seterusnya dianalisis. Dalam menyempurnakan kajian ini, penulis akan menggunakan metod penelitian deskriptif kuantitatif dengan menggunakan Teknik Analisis Isi (*Content Analysis*). Jenis penyelidikan ini adalah analisis deskriptif, iaitu penulis memberikan gambaran berkaitan persoalan kualiti dan keberkesanan pengajian Hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle melalui hantaran di *Facebook*.

Analisis isi dalam penelitian ini untuk meneliti kualiti hantaran pengajian Hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle melalui akaun rasmi *Facebook* beliau yang dinamakan sebagai “Dr. Ustaz Rozaimi Ramle -Hadith” samada berbentuk visual, audio, video mahupun siaran langsung dan keberkesanannya. Jenis data yang dijadikan acuan dalam penelitian ini berupa data primer yang terdiri daripada hantaran pengajian Hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle melalui akaun rasmi *Facebook* beliau sepanjang bulan Januari sehingga Oktober tahun 2022.

### 4.0 Latar Belakang Dr. Rozaimi Ramle



**Gambar rajah 1: Gambar Dr.Rozaimi Ramle**

Dr Rozaimi Ramle atau nama penuhnya ialah Muhamad Rozaimi bin Ramle. Beliau mempunyai nama samara atau nama popular iaitu “Dr. Rora” singkatan daripada nama beliau beserta dengan nama ayah beliau. Beliau merupakan seorang pensyarah kanan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), namun, beliau telah dilantik menjadi seorang Rektor di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) selama tiga tahun yang bermula pada 1 Februari 2022 dengan status pinjaman. Beliau juga merupakan salah seorang daripada “Professor Madya” di Malaysia.

Dr Rozaimi Ramle dilahirkan pada tanggal 22 Jun 1983 di Ipoh, Perak. Beliau pada mulanya mendapat Pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tasek, Ipoh pada tahun 1990 sehingga 1995. Selepas tamat pengajian di peringkat rendah, beliau menyambung pengajian di Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh sehingga tamat pengajian Tingkatan 5 pada tahun 2000. Pada

tahun 2005, beliau berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Bidang *Fiqh dan Usul* di Universiti Mu'tah, Jordan. Beliau Berjaya mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam *takhasus* ini. Kemudian, Dr. Rozaimi meneruskan pencarian ilmunya dengan mendalami ilmu hadith di peringkat Sarjana di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak yang ditaja oleh UPSI pada tahun 2008. Setelah itu, beliau berjaya memperolehi *Doctor of Philosophy* (PhD) dalam bidang hadith di University Of Jordan pada 1 Disember 2014 juga dibawah tajaan UPSI<sup>62</sup>.

Dr. Rozaimi Ramle merupakan seorang susuk tubuh pendakwah yang aktif mengajar di masjid mahupun surau-surau dan kerap dijemput membentangkan kertas kerja di pelbagai tempat dan institusi. Selain itu, beliau telah dilantik menjadi Ahli Majlis Fatwa negeri Perlis<sup>63</sup>. Beliau juga seorang salah seorang penulis buku yang popular. Antara buku yang beliau pernah terbitkan seperti *Metodologi Memahami Hadis, Hadits Palsu & Daif Popular Dalam Masyarakat Melayu, Tadabbur Hikmah Hadis 40 Imam Al-Nawawi, 40 Amalan Menurut Sunnah, Bersedia Untuk Mati, Q&A Solat Mudah Lagi Sunnah, Ummahat Al-Mu'minin, 40 Amalan Mudah Menurut Sunnah, Kenali Tokoh Hadis Yang Tidak Didendang dan Allah Melarang Membodohkan Akal*. Sehingga kini, beliau juga aktif dalam memuat naik penulisan, hantaran serta perkongsian video berkaitan agama dan juga hadith di media sosial beliau.

## **5.0 Hantaran Yang Telah Dimuat Naik Oleh Dr. Rozaimi Ramle Di Facebook**

Dr. Rozaimi Ramle merupakan salah seorang akademik dalam bidang Hadith yang tidak ketinggalan dalam menggunakan aplikasi atau mata tabloid atas talian seperti *Facebook*. Beliau mempunyai akaun sendiri bagi aplikasi tersebut dan menamakan akaun tersebut sebagai “Dr. ustaz Rozaimi Ramle - Hadith”. Beliau sangat aktif dan sering memuat naik hantaran seperti video-video, penulisan, audio serta visual yang pelbagai di akaun *Facebook* beliau. Berdasarkan pemerhatian penulis, beliau pertama kali mendaftarkan diri beliau dengan menggunakan akaun tersebut adalah pada 12 April 2015. Akaun Facebook beliau juga berjaya mendapat perhatian masyarakat konvensional khususnya di Malaysia kerana akaun tersebut mempunyai kira-kira 319,424 pengikut.

---

<sup>62</sup> Malaysia, Islamic Events (2022). Profile Dr. Rozaimi Ramlee. *Islamic SG Network*, Last accessed: 7 Disember 2022, 19.49 p.m. <https://islamicsevents.my/profile/204>. (Malaysia, 2022)

<sup>63</sup> n.a. (2022). Mengenal Penulis. *Minda Tajdid*, Last accessed: 7 Disember 2022, 7.59 p.m. <https://www.mindatajdid.com/mengenal-penulis/>. (n.a, 2022)



**Gambar Rajah 2: Facebook rasmi Dr. Rozaimi Ramle**

Berikut merupakan jumlah hantaran yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle di akaun Facebook beliau sepanjang Januari 2022 sehingga Oktober 2022:

No.	Kategori Hantaran	Bilangan Hantaran	Peratusan (%)
1.	Kupasan Isu-Isu Semasa	219	31
2.	Pengajian Hadith	144	20
3.	Kemaskini Aktiviti harian	130	18
4.	Pengajian Agama	93	13
5.	Perkembangan Aktiviti Universiti	40	6
6.	Pengajian Fiqh Dan Kupasan Fatwa	30	4
7.	Keusahawanan	23	3
8.	Kesukarelawanan Dan Kemanusiaan	20	3
9.	Pengajian Bukan Agama	12	2
<b>Jumlah</b>		711	100

**Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Hantaran yang Telah Dimuat Naik Oleh Dr. Rozaimi Ramle Di Akaun Facebook Beliau**

Dalam jadual 1 menunjukkan kekerapan Dr. Rozaimi Ramle dalam memuat naik hantaran di akaun facebook beliau bermula Januari 2022 sehingga Oktober 2022. Hasil data mendapati hantaran berisi kupasan isu-isu semasa mencatatkan jumlah peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 31% (219 hantaran), diikuti pengajian hadith iaitu sebanyak 20% (144 hantaran). Ketiga tertinggi adalah hantaran berisi kemaskini aktiviti harian beliau yang mencatatkan sebanyak 18% (130 hantaran). Hantaran berisi pengajian agama mencatatkan sebanyak 13% (93 hantaran), diikuti hantaran berisi perkembangan aktiviti universiti iaitu 6% (40 hantaran) dan hantaran berisi pengajian fiqh dan kupasan fatwa iaitu hanya 4% (30 hantaran). Manakala hantaran berisi keusahawanan dan kesukarelawanan dan kemanusiaan mencatatkan jumlah yang sama iaitu sebanyak 3% (23 hantaran & 20 hantaran), di samping, hantaran yang mencatatkan jumlah yang terendah iaitu 2% (12 hantaran) ialah hantaran berisi pengajian bukan agama.

## 6.0 Hantaran Pengajian Hadith Yang Telah Dimuat Naik Oleh Dr. Rozaimi Ramle Di Facebook

Hantaran berkaitan pengajian hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle yang telah disebutkan oleh penulis dalam bab terdahulu mencatatkan jumlah peratusan kedua yang tertinggi dalam jumlah keseluruhan hantaran yang telah dimuat naik di Facebook iaitu sebanyak 20% (bersamaan 144 hantaran). Ini membuktikan bahawa beliau antara salah seorang ahli akademik yang sangat aktif dalam memuat naik pengajian Hadith di mata tabloid atas talian seperti Facebook. Berikut merupakan jumlah hantaran pengajian hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle di akaun Facebook beliau sepanjang Januari 2022 sehingga Oktober 2022.

No.	Kategori Pengajian Hadith	Bilangan Hantaran	Peratusan (%)
1.	Pengajian Metodologi Memahami Hadith	68	47
2.	Pengajian Kitab-Kitab Hadith Terpilih	45	31
3.	Syarah Hadith-Hadith Terpilih	13	9
4.	Penulisan	8	6
5.	Kuliah Hadith	6	4
6.	Forum Hadith	4	3
<b>Jumlah</b>		144	100

**Jadual 2: Jumlah Keseluruhan Hantaran Pengajian Hadith yang Telah Dimuat Naik Oleh Dr.**

### **Rozaimi Ramle Di Akaun Facebook Beliau**

Dalam jadual 2 menunjukkan kekerapan Dr. Rozaimi Ramle dalam memuat naik hantaran berkaitan pengajian hadith di akaun facebook beliau bermula Januari 2022 sehingga Oktober 2022. Hasil data mendapati hantaran berkaitan pengajian metodologi memahami hadith mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu sebanyak 47% (68 hantaran) diikuti hantaran berkaitan pengajian kitab-kitab hadith terpilih iaitu 31% (45 hantaran). Ketiga tertinggi adalah hantaran berkaitan syarah hadith-hadith terpilih yang mencatatkan sebanyak 9% (13 hantaran). Hantaran berisi penulisan mencatatkan 6% (8 hantaran) diikuti hantaran berisi kuliah hadith mencatatkan 4% (6 hantaran). Hantaran pengajian hadith mencatatkan jumlah hantaran yang terendah yang dimuat naik oleh beliau iaitu hanya 3% (4 hantaran) adalah hantaran berkaitan forum hadith.

## 7.0 Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Dalam topik ini, penulis akan membentangkan hasil dapatan kajian dan perbincangan yang telah dikaji dan dianalisis oleh pengkaji mengikut objektif utama kajian ini.

### 7.1 Kaedah Penyampaian Pengajian Hadith Dr. Rozaimi Ramle

Berdasarkan pemerhatian penulis, penulis mendapati terdapat tiga kaedah utama yang sering digunakan oleh Dr Rozaimi Ramle bagi menyampaikan pengajian hadith kepada masyarakat konvensional iaitu pengajian secara bersemuka, pengajian melalui platform mata tabloid secara langsung (*video live*) mahupun tidak langsung dan pengajian melalui penulisan.

### 7.1.1 Pengajian hadith Secara Bersemuka

Penyampaian secara bersemuka adalah kaedah paling terbaik dalam sistem pendidikan. Menerusi kaedah ini ia memudahkan kefahaman para pendengar dalam memahami tajuk yang ingin disampaikan.



**Gambar Rajah 3: Pengajian Hadith Yang Disampaikan Oleh Dr Rozaimi Ramle Secara Bersemuka**

Gambar rajah 3 di atas adalah Penyampaian Metodologi Memahami Hadith di Masjid Tuanku Syed Faizudin Petra secara bersemuka yang diadakan secara mingguan. Penyampaian secara bersemuka adalah kaedah yang seringkali dilalukan oleh Dr Rozaimi Ramle, Diantara tempat-tempat yang sering diadakan penyampaian secara bersemuka adalah di Masjid Arau, Kolej Universiti Islam Perlis dan Masjid Tuanku Syed Faizudin Petra. Pengkaji mendapati di setiap ceramahnya, beliau akan menjawab kekeliruan para pendengar secara langsung mengenai pengetahuan atau pemahaman hadith. Dengan adanya penyampaian secara bersemuka ini, secara tidak langsung telah dapat menarik minat para pendengar untuk datang, terutamanya golongan yang berusia yang tiada peranti seperti telefon, komputer dan sebagainya untuk diikuti di laman media sosial.

### 7.1.2 Pengajian Melalui Platform Mata Tabloid Secara Langsung (Video Live) Mahupun Tidak Langsung

Dr Rozaimi Ramle merupakan antara pendakwah yang sering menggunakan perkembangan teknologi untuk menyampaikan dakwah Islam. Seperti yang kita ketahui generasi muda kini amat memerlukan bimbingan untuk terus melayari kehidupan berpaksikan kepada kehendak agama. Namun, kaedah biasa seperti penyampaian melalui komunikasi bersemuka atau menghadiri kelas dan masjid kurang berkesan. Biasanya generasi muda yang menyertai kelas

seumpama itu agak terhad. Mereka berasa tidak selesa atau tidak berkesempatan untuk mengahdirinya.




**Gambar Rajah 4: Pengajian Hadith Melalui Platform Mata Tabloid Secara Langsung (Video Live) Mahupun Tidak Langsung**

Merujuk gambar rajah di atas, dengan pendekatan ini Dr Rozaimi Ramle sentiasa menjadikan Facebook beliau sebagai medan untuk generasi muda mengikuti perkembangan pengajian hadith. Umum diketahui, landasan paling sesuai untuk berkomunikasi dan mendekati generasi muda ialah di laman media sosial. Pengkaji mendapati beliau mengadakan penyampaian media secara langsung(live) setiap minggu di laman facebooknya dan beliau juga sering mengemaskini maklumat berkaitan pengajian hadith.

### 7.1.3 Pengajian melalui Penulisan

Dakwah melalui penulisan ini seharusnya difahami kerana ia cukup luas. Melalui penulisan juga menjadikan apa yang disampaikan itu berkekalan berbanding penyampaian lisan. Mungkin pendengar akan melupai apa mereka dengar tetapi melalui penulisan menyebabkan ianya akan diingati selagi tulisan itu tidak hilang.



**Gambar Rajah 5: Penulisan Hadith**

Gambar rajah 5 di atas merujuk kepada penulisan hadith berkaitan larangan bergelak ketawa di atas musibah yang menimpa orang telah di muat naik oleh Dr Rozaimi Ramle di laman Facebooknya. Pengkaji mendapati peluang ini digunakan sebaiknya oleh beliau dalam menambahkan usahanya menabur ilmu dalam pengajian Hadith kepada para pembaca. Secara tidak langsung, ia dapat memberi ruang kepada mereka yang sukar mengikuti rakaman beliau dengan membaca penulisan yang telah dimuat naik demi menambah pengetahuan berkaitan ilmu hadith.

## 7.2 Kualiti Dan Keberkesanan Penyampaian Pengajian Hadith Oleh Dr. Rozaimi Ramle

Penyampaian yang berkualiti terdiri daripada kemampuan penyampai menggunakan tahap dan gaya bahasa yang bersesuaian dengan para pendengar. **Invalid source specified.** Ketika memberi ucapan, penyampai perlulah menyatakan secara ringkas, tepat dan jelas. Bahasa yang digunakan haruslah yang mudah difahami oleh para pendengar. Penggunaan istilah-istilah yang sukar harus dielakkan. Penyampaian yang menarik juga dipengaruhi oleh nada suara. Dalam bahagian ini, penulis akan membentangkan hasil dapatan kajian mengenai kualiti penyampaian Pengajian hadith dan juga kualiti keberkesanan pengisian Pengajian hadith Dr. Rozaimi Ramle melalui hantaran di akaun Facebook beliau.

### 7.2.1 Kualiti Penyampaian Pengajian Hadith

Berdasarkan pemerhatian penulis, kualiti penyampaian pengajian hadith berdasarkan hantaran yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle di akaun Facebook beliau adalah sangat baik, penulis dapat menyimpulkan kualiti penyampaian pengajian hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle adalah seperti berikut:

Kelebihan yang pertama adalah dari penyampaian segi laras Bahasa. Berdasarkan pemerhatian penulis, laras bahasa yang digunakan oleh beliau dalam siri penyampaian Pengajian Hadith, beliau menggunakan laras bahasa yang biasa, mudah untuk difahami dan juga jelas. Beliau tidak menggunakan laras Bahasa yang terlalu tinggi dan tidak juga terlalu

rendah, cukup untuk difahami dengan mudah dan jelas oleh kebanyakan pendengar. Meskipun begitu, beliau juga kadang-kala tersilap dalam pertuturan kerana semua manusia tidak sempurna, akan tetapi kesilapan dalam penuturan tersebut tidak menjejaskan kualiti pengajian Hadith beliau. Selain itu juga, pendekatan Pengajian hadith yang dibawa oleh beliau diselitkan dengan gurau senda yang secukupnya dan tidak berlebihan. Berdasarkan pemerhatian penulis, beliau tidak melebihkan gurau senda daripada Pengajian Hadith yang disampaikan oleh beliau. Hal ini kerana Islam tidak melarang akan hiburan akan tetapi berpada pada (Fazli & Osman, 2021). Seterusnya, intonasi suara yang dilontarkan oleh beliau begitu bersahaja, petah dalam berkata-kata serta gaya penyampaian yang menarik dan berkeyakinan. Hal ini akan menyebabkan pendengar akan tertarik dengan penyampaian yang dibawa oleh beliau. Berdasarkan pemerhatian penulis, Dr. Rozaimi Ramli sangat petah dalam penyampaian siri Pengajian Hadith beliau, di samping, beliau mempunyai intonasi suara yang begitu bersahaja serta gaya penyampaian Pengajian beliau yang menarik dan berkeyakinan. Seterusnya beliau sangat sopan dalam menuturkan kata-kata dan tidak menggunakan Bahasa yang kurang sopan apabila menyampaikan pengajiannya. Beliau juga tidak menyentuh mana-mana isu sensitif dalam siri Pengajian Hadith beliau. Menakala dari sudut penerangan istilah, dalam siri Pengajian hadith Dr. Rozaimi Ramle, istilah-istilah yang jarang didengar dan susah untuk difahami akan dijelaskan terlebih dahulu adalah bertujuan untuk mengelakkan penafsiran yang salah tidak berlaku. Akhir sekali, kontak mata yang dipamerkan beliau sepanjang siri Pengajian hadith, kontak mata yang digunakan oleh beliau kepada para pendengar seolah-olah pendengar berada didepan terutamanya penyampaian secara talian dan beliau juga tidak membaca sahaja meihat kitab yang digunakan. Hal ini membuatkan penyampaian beliau lebih menarik dan juga berkesan.

### **7.2.2 Kualiti Dan Keberkesanan Pengisian Pengajian Hadith**

Berdasarkan pemerhatian penulis, kualiti dan keberkesanan pengisian pengajian hadith berdasarkan hantaran yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle di akaun Facebook beliau adalah sangat baik, kemas dan berilmiah, penulis dapat menyimpulkan kualiti dan keberkesanan pengisian pengajian hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle adalah seperti berikut:

Kelebihan yang pertama adalah di dalam siri pengajian Hadith beliau beliau tidak pernah membuat penyelewengan fakta mahupun memberikan fakta yang tidak tepat dalam pengisian Pengajian Hadith beliau. berdasarkan pemerhatian penulis, apabila beliau ingin memberikan penjelasan yang mendalam mengenai maksud sesuatu hadith atau mensyarahkannya, beliau akan memberikan penerangan yang tepat, tidak menyatakan fakta yang tidak tepat mahupun melakukan penyelewengan terhadap tersebut. Selain itu juga, beliau sering merujuk kepada sumber-sumber yang sahih dan juga *mu'tabar*, di samping beliau tidak pernah sesekali menafsirkan sesuatu Hadith mengikut hawa nafsu beliau sendiri. Berdasarkan pemerhatian penulis dalam siri pengajian hadith beliau, penulis mendapati bahawa apabila beliau ingin menafsirkan sesuatu hadith tersebut, beliau akan menyebutkan kata-kata tersebut berasal daripada siapa, siapakan ulama yang menukilkan, apakah tajuk bukunya, dan apabila penulis membuka lembaran kitab ulama' tersebut, penulis mendapati apa yang dikatakan oleh beliau sememangnya tepat tanpa salah sedikit pun kesalahan fakta. Tambahan pula, beliau tidak pernah menafsirkan sesuatu hadith tersebut mengikut hawa nafsu beliau sendiri akan tetapi

beliau senantiasa merujuk Tafsiran tersebut melalui sumber-sumber kitab yang *sahih*. Seterusnya, dalam siri pengajian hadith beliau, apabila beliau ingin menyebutkan hadith-hadith selain darjatnya *sahih* dan *hasan* iaitu seperti hadith palsu, *dhaif* dan *mawdu'*, beliau akan menjelaskan mengapa hadith tersebut diklasifikasikan dengan darjat tersebut. Berdasarkan pemerhatian penulis dalam siri pengajian hadith beliau, penulis mendapati bahawa apabila beliau ingin menukilkan hadith-hadith palsu, *dhaif* dan *mawdu'*, beliau akan menyebutkan asbab mengapa hadith tersebut menjadi palsu, *dhaif* dan *mawdu'* samada terdapat dari segi *sanad* mahupun *matn*, serta beliau akan merujuk dan menyatakan kata-kata ulama' yang mengklafikasikan darjat hadith tersebut dengan tepat, dan tanpa tersilap fakta mahupun penyelewengan. Apabila penulis membuka lembaran kitab ulama' tersebut, penulis mendapati apa yang dikatakan oleh beliau sememangnya tepat tanpa salah sedikit pun kesalahan fakta.

### **7.3 Penerimaan Masyarakat Mengenai Hantaran Pengajian Hadith Yang Telah Dimuat Naik Oleh Dr. Rozaimi Ramle Di *Facebook***

Berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan oleh penulis, hantaran pengajian hadith yang telah dimuat naik oleh Dr. Rozaimi Ramle di akaun Facebook beliau terdapat pelbagai reaksi dan komentar yang diberikan oleh masyarakat konvensional menerusi hantaran beliau itu. Dalam pada masa yang sama, terdapat juga teguran yang beragam dari masyarakat sama ada negatif dan juga positif yang diberikan oleh mereka. Dalam komentar hantaran pengajian hadith yang dimuat naik oleh Dr. Rozaimi juga terdapat banyak masyarakat yang menerima dan menyokong pendapat dan pandangan beliau, malah, ada dalam kalangan mereka yang menolak pandangan beliau dalam dua bentuk iaitu penolakan secara berasas dan juga penolakan secara tidak berasas.

#### **7.3.1 Masyarakat Yang Menerima**

Majoriti masyarakat yang menonton dan membaca hantaran yang telah dimuat naik oleh beliau menyambut baik kaedah pengajian hadith yang disampaikan oleh beliau, serta menerima pandangan dan pencerahan yang disampaikan oleh beliau, bahkan, mereka menyokong pernyataan dan pencerahan tersebut kerana mereka mengetahui kebenaran kata-katanya dan tiada pendustaan mahupun pembohongan yang akan dikeluarkan daripada kata-kata beliau. Meskipun begitu, ramai dalam kalangan mereka yang memuji kualiti penulisan dan cara penyampaian beliau, dimana mereka melihat ianya begitu jelas dan kreatif dalam menjawab persoalan semasa iaitu seperti dalam bab menentukan kesahihan dan kepalsuan hadith dan seumpamanya, serta mengupas sesuatu isu tersebut dengan baik dan berilmiah disertakan kupasan tersebut dengan mengambil isi penting sumber-sumber yang *mu'tabar* dan diketahui kebenarannya.



*Gambar Rajah 6: Komen penerimaan masyarakat konvensional mengenai hantaran Pengajian hadith oleh Dr. Rozaimi Ramle*

Gambar rajah 6 menunjukkan antara komentar penerimaan masyarakat konvensional mengenai hantaran pengajian hadith beliau iaitu berkaitan pandangan dan pencerahan beliau mengenai penjelasan makna dan istilah hadith serta mereka memahami metodologi hadith yang dikupas oleh beliau. Mereka berpendapat bahawa pengajian yang disampaikan oleh beliau sangat jelas, padat dengan isi-isi penting, dan juga mudah difahami oleh masyarakat konvensional. Bahkan terdapat banyak lagi komentar seperti ini yang menunjukkan bahawasanya mereka memahami isi perbincangan pengajaran ini dan menunjukkan minat mereka terhadap pengajian hadith yang disampaikan oleh beliau. Dalam hal ini, penulis melihat ianya adalah sesuatu perkara yang baik yang mana masyarakat yang melihat dan menonton kesemua hantaran Dr. Rozaimi dapat memahami dan menerima secara baik terhadap Pengajian yang telah disampaikan oleh beliau tanpa meninggalkan komentar-komentar yang berbentuk kecaman dan negatif.

### **7.3.2 Masyarakat Yang Menolak**


Namun, perlu kita ketahui di sini bahawasanya terdapat juga masyarakat yang menolak pendapat dan pandangan beliau berkaitan cara beliau mengambil sesuatu hukum dan menyimpulkannya berdasarkan ulama yang beliau pilih yang mereka kira ianya terlalu ketat dan tidak selari dengan pandangan mereka. Di sini, kita dapat lihat terdapat dua jenis penolakan yang dilakukan oleh masyarakat konvensional iaitu penolakan secara berasas dan juga penolakan secara tidak berasas.

#### **7.3.2.1 Penolakan Secara Berasas**

Penolakan secara berasas bermaksud adalah komentar yang ditinggalkan oleh penonton yang menonton sesuatu video yang disertai dengan fakta dan tidak membuat satu tuduhan tanpa diselitkan dengan pengisian berilmiah.

Sebahagian besar masyarakat yang menolak pandangan dan pendapat beliau memberikan maklum balas secara berasas. Ini kita dapat lihat terdapat maklum balas dari masyarakat yang bersifat ilmiah yang mana mereka memberikan soalan yang munasabah

berdasarkan topik yang dibincangkan dan dikira mampu menambah wawasan walaupun soalan mereka terlihat sedikit kearah mencari kesalahan beliau.




*Gambar Rajah 7: Penolakan secara berasas*

Berdasarkan gambar Rajah di atas menunjukkan antara maklum balas yang diberikan oleh masyarakat yang dikira sebagai komen yang berasas yang mana masyarakat memberikan penolakan mereka terhadap pandangan beliau dan cuba kaitkan dengan isu semasa walaupun ianya terlihat sedikit menggunakan ayat yang keras. Pengkaji melihat bahawa teguran, nasihat, memberikan pandangan dan persoalan secara ilmiah itu dianggap relevan untuk akan tetapi perlunya menjaga bahasa sesuai dengan hantaran berbentuk ilmiah oleh Dr. Rozaimi tersebut yang berkaitan dengan pengajian hadith.

### 7.3.2.2 Menolak Secara Tidak Berasas

Penolakan secara berasas bermaksud adalah komen yang ditinggalkan oleh penonton yang menonton sesuatu video yang tidak disertai dengan fakta dan membuat satu tuduhan tanpa diselitkan dengan pengisian berilmiah.

Terdapat juga masyarakat yang memberikan komen yang tidak berasas yang mana ia jelas dilihat cuma mencari kesalahan beliau. Ini terjadi kerana mereka menganggap beliau seolah olah beliau menyulitkan agama dari memudahkan kerana bagi mereka beliau melarang banyak perkara yang bagi mereka itu adalah sesuatu yang benar. Bahkan terdapat dalam kalangan mereka menggelar beliau sebagai Wahabi. Antara komen penolakan yang tidak berasas yang dapat dilihat oleh penulis adalah:



Gambar Rajah 9-10: Penolakan secara tidak berasas

Dalam Gambar Rajah diatas menunjukkan komen penolakan yang diberikan oleh masyarakat secara tidak berasas yang dilihat ianya hanya mencari kesalahan dan cuba mengajak orang lain berfikir seperti mereka yang hanya membawa kepada hal yang buruk bahkan terdapat banyak lagi komen seperti ini. Seharusnya masyarakat konvensional khususnya umat Islam di Malaysia menghindari komen penolakan yang tidak berasas seperti gambar rajah yang dinyatakan

## 8.0 Penutup

Tuntasnya, kita ketahui bahawasanya *Facebook* dicipta bukanlah bertujuan dalam memberikan manfaat dalam aspek komunikasi sahaja, akan tetapi Facebook memiliki banyak kelebihan terutama sekali dalam penyampaian ilmu tertumpu kepada pengajian hadith. Facebook mampu meningkatkan interaksi antara pendengar dan pembaca dengan para penyampai ilmu hadith atau lebih tepatnya pakar dalam bidang tersebut dengan lebih efektif disamping ianya dapat memberikan kemudahan kepada para penyampai ilmu hadith untuk mengajar dari segi masa, kos dan tenaga dan bagi masyarakat pula lebih mudah untuk melihat ulang rakaman untuk lebih faham. Dalam konteks pengajian hadith oleh Dr. Rozaimi, ianya amat memudahkan beliau dalam menyampaikan ilmu hadith kepada masyarakat tanpa bertemu dengan mereka disamping sebarang persoalan dan pandangan dapat dikongsi antara kedua belah pihak dengan lebih efektif dan berkesan.

Melalui hasil dapatan kajian dan perbincangan, penulis mendapati tiga jenis penyampaian dalam pengajian hadith beliau iaitu pertama sekali pengajian hadith secara bersemuka, manakala yang kedua, pengajian melalui platform mata tabloid secara langsung (*video live*) mahupun tidak langsung dan akhir sekali pengajian melalui penulisan. Dari sudut pandang yang lain, penulis mendapati bahawa kualiti penyampaian hadith oleh beliau di Facebook mempunyai kualiti yang amat baik serta kualiti dan keberkesanan pengisian pengajian hadith yang dibawa oleh Dr. Rozaimi Ramle adalah tepat tanpa penyelewengan fakta yang berlaku. Seterusnya, kebanyakan masyarakat mengatakan secara positif berkaitan penyampaian hadith beliau dari segi kualiti suara, video dan seumpamanya walaupun segelintir masyarakat mengatakan sebaliknya. Dan majoriti masyarakat menerima segala pandangan dan

pendapat yang disampaikan oleh beliau dengan pelbagai komen positif diberikan. Namun tidak kurang juga yang memberikan maklum balas yang sebaliknya dengan pelbagai komen positif mahupun negatif.

Dari kajian ini adalah diharapkan masyarakat konvensional dalam mengikuti siri pengajian hadith yang telah dimuatnaik oleh Dr. Rozaimi Ramle kerana berdasarkan hasil dari dapatan kajian mendapati bahawa tidak ada sebarang isu yang begitu signifikan atau penyelewengan fakta yang disampaikan oleh beliau dalam siri pengajian hadith beliau. Dalam masa yang sama, penulis mendapati bahawa Dr. Rozami Ramle menguasai segala ilmu asas dalam ilmu hadith dalam dan dalam sisi pengajian hadith beliau sentiasa mempromosikan hadith sahih dan jika terdapat hadith yang *dhaif* dan *maudhu'* beliau akan menjelaskan dan memberikan penjelasan dengan lebih mendalam. Justeru, menerusi kajian ini diharapkan dapat menarik minat masyarakat untuk terus konsisten dalam mengikuti siri pengajian hadith dari Dr. Rozaimi Ramlee melalui hantaran di akaun *Facebook* beliau atau mana mana pengajian hadith lain di media social yang diketahui kebenarannya.

## RUJUKAN

- Abdullah, W. H., Abdul Rahim, M. M., & Borham, A. H. (2018). Amalan Penggunaan Metode Syarah Al-Hadith Dalam Pengajian Hadith Di Institusi Masjid Di Daerah Muallim Negeri Perak. *Sains Humanika*, 10 (3-4).
- Abu al-Layth, D. (2011). *'Ulum al-Hadith Asiluha wa Ma'asiruha*. Malaysia: Dar al-Shakir.
- Ahmad, K., & Abd. Azid, M. A. (2017). Aliran-Aliran Dalam Pengajian Hadith: Faktor Keberadaan dan Perkembangannya di Malaysia. *Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*.
- Al-Khatib, M. ' (1988). *al-Sunnah Qabl al-Tadwin*. Kairo, Egypt: Dar al-Ulum.
- Ang Kean Hua. (2016). Pengenaln Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17-24.
- Bumgarner, B. A. (2007). Exploring the uses and gratifications of Facebook among emerging adults. *First Monday, Pre-Reviewed Journal On The Internet*, diakses pada 8 Disember 2022, jam 11.14 a.m. <https://firstmonday.org/ojs/index.php/fm/article/view/2026/1897>.
- Deraman, F., & Muhammad Faiz. (2014). Pengajian Hadith Di Institusi Formal & Non Formal Di Malaysia. *Jurnal Hadith Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)*.
- Deraman, F., Sulaiman, I., & Ahmad Shah, F. (2010). *Pengajian Hadith di Malaysia: Tokoh, Karya dan Institusi*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian al- Quran dan al-Hadith, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Fazli, F. I., & Osman, K. (2021). Ketokohan Ustaz Azhar Idrus Dalam Bidang Dakwah. *Seminar Tokoh Dakwah 1.0 (Sedakwah) Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Hassan, M. S., & Abd Malik, M. (2022). Semak hadis sebelum sebar. *My Metro*, Diiarkan pada 19 Ogos 2022, 8.01 a.m. Diakses pada 8 Disember 2012, 3.38 p.m. <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/08/873133/semak-hadis-sebelum-sebar>.
- Isa, M. A., & Amran, N. N. (2017). Pengajian Hadith di Masjid Malaysia. *Fikiran Masyarakat*, 5(1), 14-20.
- Ismail, A. Z., Ishak, M. F., Soroni, M. K., Abdullah, M. F., Ghouri, S. A., Nasir, M. N., & Salahuddin, N. (2018). Metode Pengajian Hadis Klasik Dan Kerangka Sistem Pendidikan Moden: Tinjauan Di Maahad Tahfiz Selangor. *Hadith and Aqidah Research Institute (INHAD)*, Vol. 9, No. 18.
- Malaysia, I. E. (2022). Profile Dr. Rozaimi Ramlee. *Islamic SG Network*, Last accessed: 7 Disember 2022, 19.49 p.m. <https://islamicevents.my/profile/204>.
- Mohamed, N., & Muhamed Ali, M. (2016). Tahap Pengetahuan dan Persepsi Pelajar terhadap Pengajian Hadith di Universiti Sultan Zainal Abidin. *Islamiyyat*, 38 (2) : 155.
- Mohd Amin, M. Z., Abdullahi Nur, M., Mohd Ghazali, N., Hassa, I. M., & Mohd Amin, M. F. (2005). Kaedah Pengajian Hadith Di IPTA: Satu Kajian Perbandingan. *Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)*.
- Mohd Zabidi, A. Z. (2019). *Israiliyyat, Hadith Mawdu' & Fitnah Sirah Di Alam Melayu*. Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House Sendirian Berhad.
- n.a. (2022). Mengenali Penulis. *Minda Tajdid*, Last accessed: 7 Disember 2022, 7.59 p.m. <https://www.mindatajdid.com/mengenali-penulis/>.

- Noor Din, N. F. (2019). Tema Perbualan Remaja Malaysia Dalam Facebook. *Jurnal Pengajian Melayu*.
- Oktaviani, K. M. (2014). Pemanfaatan Jejaring Sosial Facebook Di Kalangan Masyarakat Pedesaan di Malaysia. *Proposal Skripsi*.
- Online, B. (21 November 2010). Berita Harian Online.
- Socialbakers. (2012). Statistik Bilangan Masyarakat Malaysia Yang Menyertai Facebook Sehingga November 2012.
- Statista. (2022). Number of Facebook users in Malaysia from 2017 to 2020 and a forecast up to 2025.  
<https://www.statista.com/statistics/490484/number-of-malaysia-facebook-users/>,  
 Diakses pada 8 Disember 2022, 1.11 p.m.
- Suhaimi Abdul Wafir. (2006). Pengajian Hadith di Negeri Perak: Suatu Kajian di Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah, Ipoh, Perak. *Disertasi Sarjana, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya*.
- Sulong, A., & Abdullah, M. (2008). Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar. *Tesis Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia*.
- Tasbih. (2010). Kedudukan Dan Fungsi Hadis Sebagai Sumber Hukum Islam. *Al-Fikr - Fakultas Ushuluddin dan Dakwah, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sultan Amai Gorontalo*, Vol. 14, No. 3.
- Temrin, M. M., & Muhamed Ali, M. A. (2017). Pembelajaran Ilmu Hadith di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 2(1), 10-19.
- Wazir, R., Soroni, M. K., Nasir, M. N., A. Adi, M. F., & Hasan Adali, N. A. (2016). Kaedah Pengajaran Tenaga Pengajar Hadith Di Masjid-Masjid Di Selangor. *E-Proceeding of the 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2016 (e-ISBN 978-967-0850-45-0)*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Yusof, M., & Harun, K. (2015). Analisis Lakuan Tutar Dalam Ruangan Status Facebook. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 151-168.